

# Sindiket jual diesel subsidi tumpas

PPDNKK rampas diesel subsidi di estet Kampung Labu

Sinar Harian 10/05/2010 M/S 114

HAMIZAH BASIR

lori di ladang kelapa sawit itu sebelum ini.

"Turut ditemui di tempat kejadian ialah sebuah lori, lapan tong dram kosong, 12 tong kecil kosong dan tiga unit salur getah digunakan untuk mengisi minyak diesel ke dalam tong sedia ada.

"Kita percaya minyak tersebut sengaja disembunyikan di kawasan ladang oleh pihak tertentu bagi mengelak diketahui pihak berkuasa," katanya ketika ditemui pemberita, di sini semalam.


Norashiken berkata, nilai rampasan, minyak diesel subsidi itu dianggarkan RM100,000 mengikut harga pasaran.

"Ujian kimia dilakukan Syarikat Teras Kimia Sdn Bhd dan mengesahkan minyak tersebut ialah minyak diesel subsidi," katanya.

Menurutnya, pihaknya sedang siasatan bagi mengesan individu terlibat khususnya sumber dan pembeli minyak tersebut.

"Seorang lelaki berusia 29 tahun iaitu pemandu lori tersebut ditahan dan siasatan masih dijalankan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh didakwa di bawah Seksyen 22 (1)," katanya.

Menurutnya, jika disabit kesalahan akan dikenakan denda sebanyak RM100,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali.



● Penguat kuasa PPDNKK negeri memeriksa diesel dirampas di sebuah lori di estet Batu 10, Kampung Labu, semalam.